

## Kilang Baru Apex Perluas Perolehan

### Kilang baru Apex perluas perolehan

SUBANG JAYA 16 Ogos - Pengeluar produk kesihatan, Apex Healthcare Bhd. (AHB), mengunjurkan kilang barunya di Cheng, Melaka yang dibina dengan pelaburan RM26 juta, membantu meluaskan perolehan serta keuntungannya di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Pengarah Eksekutif Xepa-Soul Patterson (Xepa-SP), Goh Ser Heng berkata, pelaburan terbarunya itu akan meningkatkan keupayaan syarikat untuk mengeluarkan rangkaian produk cair, krim dan cecair pencuci mata.

Xepa-SP merupakan cabang perkilangan bagi AHB yang mengeluarkan produk-produk farmaseutikal atas kaunter.

"Kilang ini akan mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Ogos tahun depan dan akan membantu meningkatkan pengeluaran syarikat serta memenuhi permintaan pasaran," katanya pada taklimat media di sini hari ini.

Katanya, melalui kilang barunya itu, Xepa-SP dijangka meningkatkan hasil keluaran krim sebanyak 300 peratus, cecair pencuci mata 250 peratus dan produk cair 50 peratus.

Melalui pelaburan itu, katanya, Xepa-SP akan dapat meningkatkan nilai pemegang saham berdasarkan perkembangan kukuh bagi pasaran dalam dan luar negara.